

## Penglibatan Tanah Melayu Dalam Masalah Irian Barat (1957-1963)

KUNASEELAN MUNIANDY

Artikel ini mengkaji satu aspek yang sering diabaikan oleh para penulis dalam soal Irian Barat, khususnya mengenai peranan yang dimainkan oleh Kerajaan Tanah Melayu untuk menyelesaikan masalah tuntutan Indonesia dan Belanda. Kebanyakan tulisan yang ada hanya menjelaskan konflik di antara Indonesia dengan Belanda atau peranan Amerika Syarikat menamatkan konflik itu. Sedangkan peranan Tanah Melayu adalah penting kerana Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman telah mengambil daya usaha awal untuk menyelesaikan pertikaian Indonesia-Belanda mengenai Irian Barat.

Masalah Irian Barat timbul kerana kedua-dua pihak, Indonesia dan Belanda menuntut bahawa wilayah tersebut adalah kawasan masing-masing. Pihak Belanda mendakwa wilayah Irian Barat sebagai sebuah kawasan yang berasingan dari Indonesia berdasarkan kepada perbezaan bangsa dan kebudayaan. Penduduk pribumi Irian iaitu orang-orang Papua berasal dari rumpun bangsa Melanesia (Australoids) manakala penduduk Indonesia pula berasal dari rumpun-bangsa Proto Melayu (Mongoloid). Sementara itu, kerajaan Indonesia pula menuntut Irian Barat sebagai wilayahnya berdasarkan bekas tanah jajahan Belanda sebelum 1949 di Hindia Timur iaitu dari Sabang (Sumatera) ke Marauke (Irian Barat).

Tanah Melayu pula mementingkan masalah Irian Barat kerana ia merasa bimbang kemungkinan konflik terbuka meletus di antara Belanda dan Indonesia. Ketegangan di Irian Barat boleh mengancam kestabilan rantau Asia Tenggara, termasuk Tanah Melayu. Oleh itu, Tunku berpendapat bahawa Kuala Lumpur harus mengambil tindakan yang wajar untuk menyelesaikan konflik Indonesia-Belanda secepat mungkin bagi menjamin keamanan Asia Tenggara. Di samping itu, Tanah Melayu juga menghapuskan penjajahan Belanda dan ingin menolong Indonesia menamatkan penjajahan.

Dalam mengkaji hubungan Tanah Melayu-Indonesia semasa Irian Barat terdapat empat tema yang penting iaitu kerjasama, persaudaraan, konflik dan komunisme. Keempat-empat tema ini wujud sepanjang isu ini. Tema kerjasama dapat dilihat melalui sokongan yang diberikan oleh Tanah Melayu kepada Indonesia di Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mengenai masalah ini. Tanah Melayu juga menunjukkan kerjasamanya kepada Indonesia dengan menghalang kapal-kapal perang Belanda singgah di pelabuhan-pelabuhan Tanah Melayu. Tema persaudaraan pula menonjol apabila penduduk

Tanah Melayu melihat perjuangan rakyat Indonesia memperolehi Irian Barat sebagai perjuangan saudara besar mereka. Ada di antara mereka telah menyertai tentera Indonesia sebagai sukarelawan untuk membebaskan Irian Barat. Tema konflik sangat menonjol dalam masalah Irian apabila Tunku mencadangkan amanah PBB untuk menyelesaikan isu Irian Barat. Kerajaan dan media di Indonesia telah melemparkan kritikan terhadap cadangan Tunku. Tema komunisme dapat dilihat melalui sokongan negara-negara blok Timur kepada tuntutan Indonesia dan juga melalui peranan Parti Komunis Indonesia (PKI) menggunakan isu ini untuk meluaskan pengaruhnya.

Apabila meninjau hubungan Tanah Melayu-Indonesia secara menyeluruh pada tempoh September 1957 - Mei 1963, unsur-unsur kerjasama bukan sahaja terdapat dalam isu Irian Barat tetapi juga dalam bidang-bidang lain. Kerjasama ini dapat dilihat dalam soal penyamaan sistem ejaan Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia dan penawaran biasiswa oleh kerajaan Indonesia kepada pelajar-pelajar Tanah Melayu untuk belajar di Indonesia. Terdapat juga kerjasama ekonomi di antara kedua-dua negara. Indonesia dan Tanah Melayu sebagai pengeluar utama getah dan bijih timah bersepakat untuk menstabilkan harga bahan-bahan itu di pasaran dunia. Lawatan-lawatan muhibbah dan persaudaraan Jakarta-Kuala Lumpur menampakkan ikatan sejarah dan kebudayaan di antara kedua-dua negara, yang mana penduduk majoriti Indonesia dan Tanah Melayu berasal dari rumpun bangsa yang sama.

Di samping kerjasama terdapat juga konflik di antara kedua-dua pihak pada tempoh yang sama. Isu Irian Barat sendiri menimbulkan ketegangan awal di antara kedua-dua negara. Selain daripada itu, soal Pemberontakan Pemerintahan Revolusioner Republik Indonesia (PRRI) juga mendinginkan hubungan kedua-dua negara kerana Kuala Lumpur telah memberi perlindungan politik kepada beberapa orang pemimpin PRRI. Kemudian, konflik Tanah Melayu-Indonesia memuncak berikutkan penubuhan Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963.

Untuk memahami konflik di antara Belanda dan Indonesia mengenai Irian Barat, latarbelakang bagi masalah itu harus dikaji. Irian atau New Guinea sering ditakrifkan sebagai : "the land without history."<sup>1</sup> Oleh yang demikian sejarah awal pulau ini adalah tidak jelas. Kerajaan Majapahit di antara abad ke-13 hingga ke-15 telah menguasai kawasan pesisiran pantai Irian.

Kesultanan Tidore di Kepulauan Moluku telah mengawal kawasan tersebut dari abad ke-16 sehingga Belanda mengambil-alih pentadbiran Irian Barat pada 1828.<sup>2</sup> Kesultanan Tidore pada 1667 telah dipaksa menerima pertuanan Belanda tetapi pihak Sultan Tidore dibenarkan memiliki kawasan Irian kerana pada waktu itu, kawasan Irian Barat tidak penting kepada Belanda. Lama kelamaan keadaan ini telah berubah akibat kehadiran pihak British dan Perancis di rantau itu. Oleh yang demikian Belanda pada tahun 1828, secara

formalnya mengatakan, Irian Barat merupakan wilayahnya dan membuka penempatannya di Teluk Triton.<sup>3</sup> Walau bagaimanapun, Belanda menutup penempatan ini kerana kawasan Irian pada masa itu tidak ada nilai ekonomi; mudah diserang penyakit; dan kawasan ini terbuka kepada penyerbuan lanun. Untuk lima puluh tahun berikutnya, Belanda sering menghantar kapal-kapal perangnya ke Irian bagi menunjukkan kedaulatannya.<sup>4</sup>

Pada tahun-tahun 1880 an, Britain dan Germany telah membuka penempatan mereka di kawasan Timur Pulau Irian (Papua New Guinea). Ini memaksa pihak Belanda berunding dengan Sultan Tidore pada tahun 1898 untuk menyerahkan tuntutan rasmi baginda ke atas Irian kepada Belanda. Dengan itu, kawasan Irian Barat jatuh ke pentadbiran langsung Belanda. Pihak Belanda telah meluaskan pentadbiran mereka dari kawasan pesisir pantai ke kawasan pendalam.<sup>5</sup> Kemudian pada tahun 1905, Belanda dan Britain yang menguasai bahagian Timur mengadakan perjanjian untuk menentukan sempadan umum mereka di Irian. mengikut perjanjian itu, kawasan Barat Pulau Irian dari garis bujur 141° Timur menjadi wilayah Belanda.<sup>6</sup>

Belanda mentadbir Irian Barat sehingga perang Dunia Kedua. Dalam tempoh tersebut pihak Belanda tidak banyak membuat pembangunan di Irian Barat. Mereka telah menjadikan Irian Barat sebagai tempat pembuangan para nasionalis Indonesia.<sup>7</sup> Sementara itu, pihak Belanda juga menjumpai petroleum di Irian Barat pada tahun 1935. Telaga petroleum terdapat di Klamono, Wasian dan di Mogoi.<sup>8</sup> Semasa Perang Dunia Kedua, Jepun menguasai Irian Barat dan kemudianya Belanda mengambil alih pentadbiran Irian Barat selepas perang.

Pada tahun 1949, Rundingan Meja Bulat diadakan untuk menyerahkan kedaulatan kepulauan Indonesia daripada pihak Belanda kepada Republik Indonesia. Soal Irian Barat tidak diselesaikan sepenuhnya dalam rundingan ini. Dalam artikel 2, perjanjian pemindahan kedaulatan Indonesia menyatakan, *status quo* Irian barat akan diselesaikan dalam setahun dari tarikh pemindahan kedaulatan kepada Indonesia.<sup>9</sup> Kerajaan Belanda tidak berhasrat menyerahkan Irian Barat kepada Indonesia dan cuba menguasai wilayah tersebut seberapa lama yang boleh. Ini adalah kerana, pihak Belanda melihat wilayah Irian sebagai kawasan yang berasingan dari kepulauan Indonesia berdasarkan faktor ras, bahasa, agama dan ketamadunan. Belanda juga ingin terus berkuasa di Irian Barat kerana kawasan itu kaya dengan galian emas, petroleum dan mungkin galian-galian lain. Akan tetapi, tidak diketahui dengan tepat tentang jumlah galian-galian tersebut. Biarpun kawasan ini dipenuhi dengan hutan dan bakau, adalah diperlukan ia mempunyai potensi untuk dibangunkan. Selain dari itu kegiatan penyebaran agama Kristian juga berjalan dengan lancar. Irian Barat juga merupakan soal prestij kepada Belanda.<sup>10</sup> Pihak Belanda sebagai kuasa penjajah enggan tunduk kepada tuntutan Indonesia yang baru mendapat kemerdekaan darinya.

Sebaliknya, Jakarta menganggap Irian Barat adalah wilayah Indonesia berasaskan kepada bekas tanah jajahan Belanda di Hindia Timur iaitu dari Sabang ke Marauke yang sempurna (integral). Indonesia menghujah bahawa Irian Barat adalah sebahagian dari empayar Belanda di Hindi Timur. Oleh itu pemindahan kedaulatannya tidak boleh diasingkan dari bahagian empayar yang lain.<sup>11</sup> Selain dari itu, Indonesia juga menuntut kawasan itu berdasarkan kepada faktor sejarah iaitu Irian Barat pernah berada di bawah naungan empayar Majapahit dan juga kesultanan Tidore. Dengan alasan ini, Sukarno ingin menguasai wilayah Irian Barat.

Presiden Sukarno dalam ucapan hari kemerdekaan Indonesia pada 17 Ogos 1950 berkata:

Irian is also Indonesian territory, not tomorrow, not the day after tomorrow, but now, at this very moment. The Dutch de facto authority over Irian is recognized for this year (1950) only.<sup>12</sup>

Rundingan-rundingan yang diadakan sepanjang tahun-tahun 1950-1953 di antara Indonesia dengan Belanda gagal mencapai kata sepakat tentang masa depan Irian. Tambahan pula, Amerika Syarikat yang menyokong perjuangan kemerdekaan Indonesia, 1945-1949, kini bersikap neutral dalam soal tuntutan Irian kerana Belanda adalah sekutu tenteranya dalam North Atlantic Treaty Organization (NATO).

Antara tahun-tahun 1954-1957, Indonesia telah berusaha membawa isu tuntutan Irian Barat ke agenda Perhimpunan Agung PBB tetapi gagal kerana Indonesia tidak mendapat undi majoriti dua pertiga untuk membawa usul ini ke agenda mesyuarat PBB.<sup>13</sup> Ini adalah kerana negara-negara Barat menentang usul Indonesia; cuma negara-negara Blok Komunis dan Afro-Asia menyokong Indonesia. Oleh itu sikap anti-Barat meluas di Indonesia dan pengaruh komunis pula semakin bertambah kukuh. Hubungan Indonesia dengan Blok Komunis bertambah rapat berikutan dari isu Irian kerana negara-negara komunis turut menentang imperialisme Barat. Di samping itu, Parti Komunis Indonesia (PKI) meluaskan pengaruhnya dengan membentuk Biro Irian Barat untuk mengembangkan sokongan rakyat Indonesia terhadap tuntutan Irian Barat.<sup>14</sup>

Perkembangan masalah Irian Barat diikuti oleh Tanah Melayu dengan penuh minat kerana soal ini melibat jirannya, Indonesia menentang penjajahan Belanda di wilayah itu. Isu tuntutan Irian Barat oleh Indonesia dari Belanda menjadi salah satu isu penting dalam hubungan Tanah Melayu-Indonesia adalah berikutan dari pendirian Tanah Melayu yang berkecuali, apabila Indonesia membawa isu Irian Barat ke dalam agenda mesyuarat PBB, pada 20 September 1957. Tanah Melayu berkecuali dalam hal ini kerana, inilah kali pertama perwakilan Tanah Melayu menghadiri perbincangan dalam Perhimpunan PBB dan Tanah Melayu baru tiga hari menjadi ahli PBB. Oleh

itu kerajaan Tanah Melayu mengambil pendirian tersebut.<sup>15</sup> Selain dari itu, dasar luar Tanah Melayu pada awal zaman kemerdekaannya dipengaruhi oleh British. Ini adalah kerana diplomat-diplomat baru Tanah Melayu dilatih di Britain.<sup>16</sup> Oleh itu pemikiran mereka dipengaruhi oleh Britain. Pada masa yang sama Britain dan Belanda adalah sekutu dalam NATO. Hal ini menyebabkan British berkecuali dalam isu Irian dan Tanah Melayu mengikuti langkah British.

Akan tetapi pendirian Tanah Melayu telah disalah ertikan oleh pihak Indonesia sebagai Tanah Melayu tidak menyokong perjuangan Indonesia menuntut Irian Barat. Akhbar-akhbar Indonesia telah mengecam pendirian berkecuali Tanah Melayu terhadap isu tersebut kerana kedua-dua negara mempunyai ikatan sejarah yang sama dan merupakan jiran yang paling rapat. Akhbar *Indonesian Observer*, mengecam pendirian Tanah Melayu seperti berikut:

All is well if only the Indonesian Goverment would realize that Malaya, although similar in many respects to Indonesia, has her own interests in her struggle for survival. We should have refrained from too much enthusiasm when Malaya received her Independence.<sup>17</sup>

Sementara itu akhbar *Times of Indonesia* pula hairan terhadap pendirian Tanah Melayu. Ia menyatakan kesemua 21 negara Afro-Asia kecuali Farmosa, Loas dan Malaya telah menyokong resolusi Indonesia.<sup>18</sup> Akhbar *Utusan Melayu* di Kuala Lumpur, juga mengkritik kerajaan mereka dengan mengemukakan pandangan bahawa pendirian berkecuali oleh kerajaan Tanah Melayu terhadap soal Irian Barat telah memberi suatu gambaran yang negatif kepada pihak Indonesia. *Utusan Melayu* mengingatkan Kuala Lumpur bahawa isu Irian Barat masih diperdebatkan di PBB dan ini akan memberi peluang kepada Tanah Melayu membuktikan bahawa ia mengamalkan polisi berbaik-baik dengan jirannya, iaitu Indonesia.<sup>19</sup>

Pada waktu yang sama Ketua perwakilan Tanah Melayu di PBB, Dato Dr. Ismail, telah menjelaskan kepada Dr. Ali Sastramidjoyo, wakil tetap Indonesia di PBB, mengenai pendirian berkecuali Tanah Melayu dalam isu Irian Barat. Dr. Ismail menerangkan bahawa kerajaan Tanah Melayu baru sahaja menjadi anggota PBB dan tidak mahir dengan cara PBB dan hendak mengkaji lebih mendalam soal Irian Barat. Tujuan berkecuali adalah untuk meneliti isu ini dan mencari jalan yang baik bagi menyokong Indonesia dalam soal tersebut.<sup>20</sup> Tunku pula menjelaskan bahawa Tanah Melayu berkecuali dalam isu Irian Barat adalah disebabkan oleh faktor dalam negeri, iaitu Tanah Melayu terdiri dari pelbagai bangsa dan setiap bangsa di Tanah Melayu mempunyai pendirian yang berbeza dari bangsa yang lain terhadap sesuatu isu. Oleh itu, apa juia tindakan yang diambil di PBB oleh Tanah Melayu akan menjaskan kepentingan mana-mana kumpulan rakyat Tanah

Melayu. Wakil Tanah Melayu di PBB hanya akan mengundi dalam isu-isu yang berkaitan secara langsung dengan Tanah Melayu sahaja. Dalam isu-isu lain Tanah Melayu akan mengamalkan sikap berkecuali.<sup>21</sup>

Akhbar *Times of Indonesia* tidak percaya dengan penjelasan Tunku kerana mana-mana kumpulan bangsa di Tanah Melayu yang dikatakan Tunku tidak akan menentang sokongan kerajaan mereka kepada pihak Indonesia dalam isu Irian Barat.<sup>22</sup> Ini adalah kerana soal Irian Barat merupakan soal penentangan penjajahan Belanda di rantau ini dan ianya tidak menjelaskan kepentingan rakyat Tanah Melayu. Sementara itu akhbar *Merdeka* pula hairan dan kecewa dengan pendirian berkecuali Tanah Melayu kerana negara-negara yang baru merdeka seperti Ghana, Tunisia dan Morocco telah menyokong usul yang dibawa oleh Indonesia. Tetapi Tanah Melayu yang mempunyai pertalian darah sejarah, bangsa, bahasa dan kebudayaan yang sama telah mengecewakan pihak Indonesia.<sup>23</sup>

Sungguhpun Tanah Melayu bersikap berkecuali terhadap usul Indonesia pada sesi ke dua belas, mesyuarat yang ke-682 PBB, tetapi untuk lima tahun berikutnya, Tanah Melayu telah menyokong Indonesia menuntut Irian Barat sehingga tuntutan itu selesai.<sup>24</sup> Tanah Melayu mengubah pendiriannya adalah kerana Kuala Lumpur ingin mengekalkan hubungan baik dengan Jakarta dan Kuala Lumpur juga menentang penjajahan. Hal ini terbukti pada 26 November 1959, apabila Indonesia buat kali terakhirnya membawa usul Irian Barat ke Perhimpunan agung PBB tetapi gagal menerima undi dua pertiga.<sup>25</sup> Dalam pengundian pada 26 November itu, Tanah Melayu telah mengundi menyokong usul Indonesia, akan tetapi sokongan Tanah Melayu itu tidak mencukupi bagi Indonesia meminta PBB untuk menyelesaikan isu Irian Barat. Walau bagaimanapun sokongan Tanah Melayu di PBB telah menyenangkan pihak Indonesia.

Kegagalan kerajaan Indonesia membawa isu Irian Barat ke agenda mesyuarat perhimpunan agung PBB telah memberi peluang kepada Parti Komunis Indonesia (PKI) untuk meluaskan pengaruhnya di Indonesia. PKI menggunakan penjajahan Belanda di Irian Barat sebagai alat untuk mengukuhkan kedudukannya dalam kerajaan Indonesia. Semua pihak dan parti di Indonesia telah menyokong tuntutan Irian Barat sebagai tuntutan kebangsaan Indonesia tetapi Presiden Sukarno dan PKI telah mengeluarkan suara yang lantang menyokong tuntutan tersebut. Dengan memberi sokongan yang kuat kepada Sukarno dalam menuntut Irian Barat, PKI dapat membentuk suatu pandangan yang baik di kalangan rakyat Indonesia terhadap usahanya yang menentang imperialism Barat.<sup>26</sup> Perkembangan masalah Irian Barat di Indonesia telah membawa dua kebimbangan kepada Tanah Melayu: pertama, kemungkinan perperangan terbuka akan meletus di antara Indonesia dengan Belanda, dan kedua, Jakarta akan meminta bantuan negara-negara komunis akibat konflik Indonesia-Belanda terhadap isu Irian Barat dan ini juga mengakibatkan perluasan pengaruh PKI di Indonesia.<sup>27</sup>

Walau bagaimanapun, pada tahun-tahun 1958 dan 1959, perjuangan Indonesia mendapatkan Irian Barat tidak diberi penumpuan yang sepenuh oleh kerajaan Indonesia kerana terdapat pemberontakan PRRI dan Permesta di negara itu. Selepas pemberontakan PRRI dan Permesta dihapuskan, pada tahun 1960, kerajaan Indonesia menumpukan perhatian sepenuhnya dalam soal menuntut Irian Barat. Pada 17 Ogos 1960 Indonesia memutuskan hubungan diplomatiknya dengan Belanda. Tentera Indonesia yang bersikap anti-komunis berminat untuk membeli senjata dari Amerika untuk menguatkan lagi kempen Irian Barat. Pada Oktober 1960, General Nasution, Menteri Pertahanan Indonesia, telah pergi ke Washington tetapi gagal mendapat bantuan kerana Amerika bersikap neutral dalam soal Irian. Oleh itu Nasution pergi ke Moscow pada Disember 1960 dan berjaya mendapat bantuan ketenteraan dari Russia. Di antara tahun 1961 dan 1962, Russia telah memberi bantuan ketenteraan sebanyak \$US 1 billion kepada Indonesia.<sup>28</sup>

Untuk mendapat sokongan Komenwel bagi Indonesia, Tunku telah mengemukakan isu Irian Barat dalam Persidangan Menteri Komenwel pada awal tahun 1960. Kemudian Tunku telah pergi ke The Hague, Belanda, dan berbincang dengan Menteri Luar Negeri Belanda, Dr. J.M.A.H. Luns untuk mencari jalan penyelesaian yang aman. Tunku diberitahu bahawa Belanda sedia menyerahkan pentadbiran Irian Barat kepada badan amanah PBB.<sup>29</sup> Kemudiannya pada September 1960, Tunku telah mengarah En. Senu Abdul Rahman, Duta Tanah Melayu ke Indonesia, untuk berbincang dengan Sukarno mengenai pendirian Belanda. Belanda tidak bersetuju menyerahkan pentadbiran Irian Barat kepada badan amanah PBB.<sup>30</sup>

Memandangkan keadaan semakin genting di antara Belanda dengan Indonesia di Irian Barat, Tunku telah menawarkan jasa baiknya untuk menjadi orang tengah untuk menyelesaikan isu Irian Barat. Tunku menawarkan perkhidmatanya sebagai orang tengah adalah kerana:

I fear the trouble will explode into open conflict unless a settlement is reached. Such a conflict would not be contained but would involve other countries. The Communists would undoubtedly exploit the situation as they always do at such times.<sup>31</sup>

Di samping itu jika berlaku konflik terbuka di antara Indonesia dengan Belanda di Irian, maka ini akan memberi kesan kepada semua negara di rantau ini, khususnya kepada Tanah Melayu sebagai jiran tetangga yang rapat kepada Indonesia.<sup>32</sup>

Oleh yang demikian, Tunku pada 20 September 1960, telah menulis surat kepada Presiden Sukarno bertanyakan sama ada Tanah Melayu boleh membawa penyelesaian dalam masalah Irian Barat yang mengancam keselamatan dan keamanan di Asia Tenggara. Tunku juga menulis bahawa beliau sudi menjadi orang tengah dalam menyelesaikan persengketaan di antara Belanda dengan

Indonesia.<sup>33</sup> Surat tawaran dari Tunku tidak dijawab oleh Sukarno kerana beliau berada di luar negeri. Oleh itu Dr. Djuanda sebagai Pemangku Presiden telah menjawab bahawa pihak Indonesia pada prinsipnya bersetuju dengan cadangan Tunku yang mahu Irian Barat diamanahkan kepada PBB untuk suatu tempoh yang tidak melebihi satu tahun.<sup>34</sup>

Tunku dalam suratnya bertarikh 20 September telah menghuraikan cadangannya untuk menyelesaikan pertikaian Irian Barat. Cadangan Tunku adalah seperti berikut:

- i. Kerajaan Belanda hendaklah bersetuju menyerahkan Irian Barat kepada PBB sebagai sebuah daerah amanah.
- ii. PBB hendaklah menerima daerah ini sebagai daerah amanah dan ditadbir mengikut cara sistem amanah.
- iii. Amanah itu hendaklah mengandungi satu syarat bahawa Irian Barat akhirnya akan diserahkan kepada Indonesia dengan seberapa segeranya menurut tempoh yang ditentukan oleh Majlis Amanah.<sup>35</sup>

Sementara itu, pihak Indonesia telah memberitahu En. Senu bahawa Indonesia tidak membantah penyerahan Irian Barat kepada Indonesia menerusi PBB. Menurut Indonesia selepas PBB menerima pentadbir Irian dari Belanda, PBB hendaklah mengambil langkah-langkah segera untuk menyerahkan Irian kepada Indonesia dalam tempoh kurang dari satu tahun. Di samping itu, surat jawapan dari Dr. Djuanda, bertarikh 28 September 1960, juga menekankan bahawa Indonesia mahukan amanah PBB di Irian Barat berlangsung selama satu tahun dan Amanah tersebut hendaklah menyerahkan kuasa pentadbiran Irian Barat kepada Indonesia tanpa syarat.<sup>36</sup>

Selain daripada mandat yang diberikan oleh Dr. Djuanda, General Nasution, Menteri Pertahanan Indonesia juga memberi galakan kepada Tunku untuk memulakan usaha perdamaian mengenai isu Irian Barat. Galakan ini diberi oleh beliau di Kuala Lumpur semasa mengadakan lawatan muhibbah ke Tanah Melayu pada Oktober 1960.<sup>37</sup> Mengenai lawatan Nasution, Tunku menulis:

I took the opportunity ... to tell him (Nasution) what I had in mind about West Irian ... Naturally, a man of his calibre, a man of his good sense and understanding, he appreciated the purpose and gave fully his support.<sup>38</sup>

Akhbar-akhbar Indonesia seperti *Times of Indonesia* dan *Indonesian Observer* juga mengalu-alukan tawaran Tunku untuk menyelesaikan pertikaian Irian Barat.<sup>39</sup>

Untuk meneruskan tugasnya sebagai pendamai, Tunku pada pertengahan Oktober 1960 telah berangkat ke Amerika Syarikat, Kanada, Britain dan Belanda bagi mengadakan perbincangan mengenai masalah Irian Barat dengan

pemimpin negara-negara tersebut. Rancangan ini telah dibuat oleh Tunku dengan persetujuan kerajaan Indonesia. Sewaktu di Amerika dan di Kanada, Tunku menekankan betapa pentingnya mencari penyelesaian bagi masalah Irian Barat akan memberi peluang kepada pihak komunis mengeksploritasikan keadaan konflik untuk kepentingan mereka. Tunku meminta sokongan moral yang penuh dari Amerika dan Kanada untuk menyelesaikan pertikaian Irian Barat.<sup>40</sup> Tunku juga mengadakan perbincangan dengan Setiausaha Agung PBB, Dag Hammarskjold mengenai masalah Irian Barat.

Tunku telah kemudiannya telah ke Hague dan membincangkan cadangan beliau menyelesaikan pertikaian Irian dengan Perdana Menteri Belanda, Prof. Jan de Quay, Menteri Luar Negeri, Dr. J.M.A.H. Luns dan Setiausaha Negara bagi Irian, T.H. Bot. Pada 25 November 1960 kedua-dua pihak mengeluarkan kenyataan bersama yang mengatakan bahawa kerajaan Belanda bersedia menyerahkan tanah jajahannya di Irian Barat untuk disiasat dan diadili oleh PBB:

...that the Netherlands Government are willing to subject their policies in West Irian to the scrutiny and judgement of the United Nations.<sup>41</sup>

Dalam persidangan akhbar yang diadakan selepas mengeluarkan kenyataan bersama itu, Tunku membuat tafsiran bahawa Belanda sedia menerima dan menghormati sebarang pengadilan oleh PBB yang berkaitan dengan masa depan wilayah Irian Barat. Untuk membuat pengadilan, PBB harus menghantar Suruhanjaya Penyiasatan ke Irian Barat. Akan tetapi sebelum Tunku berangkat pulang ke Kuala Lumpur, Menteri Luar Negeri Belanda, Luns, dalam laporan akhbarinya menyatakan bahawa Tunku telah membuat interpretasi yang tidak betul terhadap kenyataan bersama mereka. Luns berkata, kerajaannya hanya akan membenarkan PBB untuk mengadili polisi Belanda dalam pembangunan Irian Barat dan tidak akan menyerahkan Irian Barat kepada PBB untuk diserahkan kepada Indonesia.<sup>42</sup>

Sebelum Tunku sempat pulang ke Kuala Lumpur, Dr. Subandrio, Menteri Luar Negeri Indonesia, telah mengecam usaha-usaha Tunku dan menolak pandangan Tunku untuk menghantar suruhanjaya penyiasat PBB ke Irian Barat. Dr. Subandrio berkata, Indonesia tidak mahu isu Irian Barat di "internationalized" dan dibawa kepada Pentadbiran Badan Amanah PBB. Sungguhpun Tunku melaksanakan apa yang beliau tuliskan kepada Dr. Djuanda, Subandrio mengatakan adalah tidak berguna jika PBB menghantar suruhanjaya ke Irian Barat kerana Irian Barat adalah Wilayah Indonesia.<sup>43</sup> Perkara yang paling mengecewakan Tunku ialah kritikan Dr. Subandrio bahawa Tunku bertindak tanpa berunding dengan pihak berkuasa Indonesia. Kenyataan Dr. Subandrio itu menimbulkan konflik di antara kedua-dua negara. Akhbar-akhbar Indonesia melancarkan kempen mengkritik usaha Tunku sebagai orang tengah menyelesaikan isu Irian Barat.<sup>44</sup>

Akibatnya, di Kuala Lumpur, Tunku memberitahu para wartawan bahawa beliau tidak mungkin mengumumkan cadangannya jika ia mengetahui sikap Dr. Subandrio lebih awal dan beliau meragui sama ada kerajaan Indonesia juga mempunyai pendirian yang sama dengan Dr. Subandrio.<sup>45</sup> Jadi, Tunku dalam laporannya kepada Presiden Sukarno mengenai usaha perdamaian Irian Barat telah mengatakan bahawa beliau terkejut dengan bantahan-bantahan yang dibuat oleh Dr. Subandrio secara terus terang. Tunku menerangkan perbuatan ini telah menimbulkan pandangan buruk rakyat Indonesia terhadapnya.<sup>46</sup> Presiden Sukarno dalam menjawab laporan Tunku, menjelaskan bahawa, bantahan Dr. Subandrio perlu untuk mengekalkan persahabatan di antara Tanah Melayu dengan Indonesia. Sukarno berkata, kenyataan bersama Tunku dengan pihak Belanda seolah-olah memaksa Indonesia mengakui kedaulatan Belanda di Irian Barat dan ini akan menimbulkan reaksi yang maha hebat di kalangan rakyat Indonesia terhadap pemerintahan Indonesia dan juga kepada Tunku. Oleh itu, Dr. Subandrio membuat bantahan terhadap usaha perdamaian Tunku. Sukarno menjelaskan reaksi Indonesia itu tidak sebenarnya ditujukan kepada Tunku atau kepada Tanah Melayu tetapi ditujukan kepada kerajaan Belanda.<sup>47</sup>

Sungguhpun begitu, Subandrio dan pihak media di Indonesia masih meneruskan kritikan mereka dengan mengatakan bahawa Tunku telah mengambil usaha dalam urusan Indonesia tanpa dijemput. Dr. Subandrio yang memulakan kritikan terhadap usaha Tunku berkata, penghantaran suruhanjaya PBB ke Irian tidak akan menyelesaikan isu Irian. Menurut beliau, hanya terdapat satu cara sahaja untuk selesaikan isu Irian: Belanda harus menyerahkan terus pentadbiran Irian Barat kepada Indonesia.<sup>48</sup> Tunku mengulas pandangan Dr. Subandrio seperti berikut:

If Dr. Subandrio represents the official view of the Indonesian Government, then my next move is to sleep in bed happily.<sup>49</sup>

Bagi Tunku, beliau berminat dalam isu Irian Barat kerana untuk menamatkan penjajahan Belanda dan untuk memelihara keamanan di Asia Tenggara. Akhbar *Suluh Indonesia* menolak "Internationalization" ke atas Irian Barat dan berkata Indonesia boleh dapat kembali Irian Barat dengan atau tanpa bantuan orang lain. Ia juga berkata Indonesia bersyukur jika Tunku menyalurkan usahanya dalam semangat perjuangan Indonesia seperti yang dikatakan oleh Dr. Subandrio bahawa Belanda hendaklah menyerahkan Irian Barat terus kepada Indonesia tanpa syarat. Akhbar *Berita Indonesia* pula berkata, Tunku membuang masa dan tenagannya. Ia juga menuduh Tunku tidak berunding dengan Presiden Sukarno, Dr. Djuanda, Dr. Subandrio dan lain-lain pemimpin Indonesia yang berwibawa sebelum menjalankan usaha perdamaian. Akhbar *Merdeka* pula menuduh Tunku sebagai agen

SEATO serta British, dan menurut *Merdeka* lagi, hanya rakyat dan tentera Indonesia sahaja boleh menyelesaikan masalah Irian Barat.<sup>50</sup>

Kerajaan Tanah Melayu telah menghantar bantahan-bantahan kepada kerajaan Indonesia mengenai kritikan-kritikan yang dibuat oleh pihak media Indonesia dan juga oleh Dr. Subandrio terhadap usaha perdamaian Tunku. Tanah Melayu telah memberitahu Duta Besar Indonesia bahawa ia akan menyiar surat Dr. Djuanda kepada Tunku, yang menyokong peranan Tunku untuk menyelesaikan masalah Irian Barat. Berikut itu, Dr. Subandrio, selaku Menteri Luar Negeri Indonesia, telah menghantar surat jawapannya kepada kerajaan Tanah Melayu melalui En. Suska, seorang pegawai di Kementerian Luar Indonesia.<sup>51</sup> Dalam suratnya yang bertarikh 30 November 1960, Dr. Subandrio menghargai usaha perdamaian yang dibuat oleh Tunku. Dr. Subandrio menulis bahawa "Rakyat dan Pemerintahan Republik Indonesia sangat menghargai usaha yang Mulia itu."<sup>52</sup> Sebenarnya Dr. Subandrio telah menyindir tajam usaha perdamaian Tunku.

En. Suska yang berada di Kuala Lumpur berkata, kerajaan Tanah Melayu telah salah faham dengan pendirian Indonesia dalam isu Irian Barat. Menurut En. Suska, adalah benar bahawa Indonesia pernah bersetuju membenarkan Irian Barat berada dalam pentadbiran amanah PBB selama setahun, seperti yang terdapat dalam surat Dr. Djuanda kepada Tunku.<sup>53</sup> Akan tetapi Indonesia kemudiannya telah mengubah pendiriannya terhadap Irian Barat dan tidak membenarkan pentadbiran amanah sementara PBB.<sup>54</sup> Ini adalah kerana Pentadbiran amanah PBB akan melambatkan Penyerahan Irian Barat kepada Indonesia. Rakyat Indonesia, khususnya pihak media tidak mengetahui akan isi kandungan surat Dr. Djuanda kepada Tunku yang mengatakan Indonesia bersetuju dengan pentadbiran amanah sementara PBB di Irian Barat. Sebaliknya mereka hanya tahu akan pendirian baru Indonesia terhadap Irian Barat yang mementang pentadbiran amanah sementara PBB selama setahun itu. Akibat sikap tidak berterus terang oleh kerajaan Indonesia kepada rakyatnya maka media Indonesia, khususnya, mengecam Tunku telah campurtangan dalam urusan negara mereka tanpa diundang.<sup>55</sup>

Dengan penjelasan En. Suska terhadap pendirian Indonesia terhadap isu Irian Barat maka Tunku menjawab bahawa Tanah Melayu tidak akan mengumumkan isi kandungan surat Dr. Djuanda kepada Tunku. Langkah ini diambil oleh Tunku adalah untuk mengekalkan hubungan muhibbah yang baik dengan Indonesia. Jika isi kandungan surat Dr. Djuanda disiarkan kepada umum maka ini akan menyebabkan reaksi yang tidak diingini timbul di Indonesia terhadap kerajaan Indonesia. Sebaliknya En. Suska berjanji bahawa Indonesia tidak akan lagi mengeluarkan kenyataan-kenyataan akhbar yang mengecam usaha perdamaian Tunku.<sup>56</sup>

Sungguhpun keadaan hubungan Tanah Melayu-Indonesia beransur pulih berikutan lawatan En. Suska, tetapi dalam beberapa hari selepas beliau pulang ke Indonesia keadaan menjadi dingin semula akibat laporan akhbar

yang muncul di Jakarta. Seorang pegawai tertinggi Kementerian Luar Negeri Indonesia pada 5 Disember 1960 mengisyiharkan bahawa kerajaan Indonesia percaya Tunku telah menyalahgunakan hak beliau sebagai orang tengah, kerana, Tunku tidak menyampaikan tuntutan Indonesia supaya Belanda menyerahkan Irian tanpa syarat kepada Indonesia.<sup>57</sup> Di samping itu, Jakarta bimbang jika Tunku berjaya dalam usahanya maka Tunku akan menjadi terkenal sebagai "International Statesman" dan menjadi lebih popular daripada Sukarno dalam kumpulan negara-negara Afro-Asia.<sup>58</sup> Kerajaan Tanah Melayu menghantar nota bantahan yang keras kepada Duta Besar Indonesia terhadap dakwaan tersebut. Kerajaan Tanah Melayu juga mengecam akan menyiaran surat Dr. Djuanda jika pihak Indonesia tidak menarik balik dakwaan terhadap Tunku. Dua hari kemudian, jurucakap kementerian Luar Negeri Indonesia mengeluarkan kenyataan akhbar bahawa tidak ada pegawai tertinggi Indonesia yang memberi kenyataan seperti yang didakwa oleh kerajaan Tanah Melayu kepada pihak akhbar.<sup>59</sup>

Oleh kerana Tunku kecewa dengan sikap pihak Indonesia yang tidak mahu berterus terang dengan usaha perdamaian beliau terhadap isu Irian Barat maka Tunku telah mengambil keputusan untuk tidak lagi menjadi orang tengah dalam isu ini. Tunku telah menuduh pihak akhbar Indonesia kerana memainkan peranan dalam mengagalkan usaha beliau.<sup>60</sup> Disamping itu, Belanda dan Indonesia telah menolak cadangan beliau bagi mengadakan badan amanah pentadbiran Irian Barat untuk memindahkan kuasa Belanda kepada Indonesia.<sup>61</sup> Dengan itu kerajaan Tanah Melayu segan melibatkan diri dalam isu Irian Barat. Akan tetapi Tunku berkata, "Indonesia is our closest neighbour so we have no choice but to be in sympathy with it."<sup>62</sup> Tanah Melayu bersimpati dengan Indonesia kerana Indonesia masih menghadapi masalah penjajahan walaupun ia sudah merdeka.

Parti-parti politik di Tanah Melayu seperti Parti Rakyat dan Parti Malaya menyokong perjuangan Indonesia untuk memperolehi semula Irian Barat. Parti-parti politik tersebut adalah berhaluan kiri dan pro Indonesia. Setiausaha Parti Malaya, Tадjuddin Kahar, mengkritik kerajaan Tanah Melayu kerana tidak berdiri tegas di belakang Indonesia untuk membebaskan Irian Barat.<sup>63</sup> Pemimpin Parti Rakyat, Ahmad Boestaman, menyokong penuh perjuangan rakyat Indonesia mendapatkan semula Irian Barat. Di samping itu Persatuan Pelajar-pelajar Tanah Melayu di Indonesia juga menyokong perjuangan rakyat Indonesia untuk memperolehi Irian Barat.<sup>64</sup>

Walaupun Tunku kecewa dalam usahanya, tetapi kerajaan Tanah Melayu yang dipimpin oleh beliau tetap menyokong Indonesia untuk mendapatkan semula Irian Barat berikutan dari keadaan di Irian Barat bertambah tegang pada tahun 1961 dan 1962. Kerajaan Tanah Melayu telah mengarahkan supaya kapal-kapal Perang Belanda tidak diberi kemudahan Pelabuhan semasa pelayaran ke Irian Barat.<sup>65</sup> Kuala Lumpur juga meminta kepada British di Singapura supaya tidak membenarkan tentera Belanda mendarat di Singapura.<sup>66</sup>

Pada Disember 1961, Presiden Sukarno melancarkan kempen pengambilan sukarelawan di Indonesia untuk membebaskan Irian Barat dari penjajahan Belanda. Kempen tersebut turut diadakan di Tanah Melayu dan kerajaan Tanah Melayu tidak membantah pengambilan sukarelawan tersebut.<sup>67</sup> Pengambilan sukarewan pembebasan Irian Barat mendapat sambutan yang menggalakkan di Tanah Melayu. Ramai rakyat Tanah Melayu telah menyertai pengambilan sukarelawan atas dasar persaudaraan. Ini adalah kerana penduduk Tanah Melayu dan Indonesia mempunyai hubungan darah persaudaraan. Ini adalah kerana penduduk Tanah Melayu dan Indonesia mempunyai hubungan darah yang rapat dan mereka berasal dari rumpun bangsa yang sama. Menjelang akhir Januari 1962, kira-kira 1,500 rakyat Tanah Melayu mendaftar sebagai sukarelawan di kedutaan Indonesia. Kebanyakkan daripada mereka itu mempunyai pengalaman tentera sebagai "Home Guard" dan ada di antara mereka telah meminta pihak Indonesia supaya menghantar mereka ke barisan hadapan.<sup>68</sup> Pihak kedutaan Indonesia mengatakan lebih kurang 15 orang mendaftar sebagai sukarelawan setiap hari. Selain daripada itu rakyat Tanah Melayu telah menyalurkan bantuan dalam bentuk pakaian dan juga wang tunai. Pada bulan Mac 1962, kira-kira \$16,580 didermakan oleh rakyat Tanah Melayu untuk membebaskan Irian Barat.<sup>69</sup>

Sungguhpun Tanah Melayu membenarkan kedutaan Indonesia mendaftarkan sukarelawan untuk membebaskan Irian Barat tetapi ia tidak memberi pengiktirafan resmi terhadap projek ini kerana mensyaki sukarelawan tersebut akan dilatih untuk kegiatan anti-Malaysia.<sup>70</sup> Pada April 1962, seramai seratus rakyat Tanah Melayu telah berangkat bersama-sama dengan 15 orang rakyat Singapura ke Jakarta untuk mendapatkan latihan tentera.<sup>71</sup> Tidak sesiapa pun antara mereka di hantar ke medan pertempuran di Irian Barat. Di Jakarta mereka mendapat latihan tentera dan politik yang tidak berkaitan dengan Irian Barat. Mereka dilatih untuk menentang gagasan Malaysia.<sup>72</sup>

Pada mulanya, kerajaan Persekutuan Tanah Melayu tidak bekerjasama untuk menghantar sukarelawan ke Indonesia sungguhpun Kuala Lumpur bersimpati dengan perjuangan Indonesia. Ini adalah kerana bantuan sukarelawan ke Irian Barat sebenarnya tidak diperlukan.<sup>73</sup> Pendirian ini dianggap sebagai pendirian tidak bersetiakawan oleh parti-parti pembangkang Tanah Melayu seperti Parti Rakyat dan PMIP (Pan Malayan Islamic Party). Menjelang Mei 1962, kerajaan Tanah Melayu telah mengubah pendirian dan mengambil pendirian yang sederhana iaitu kerajaan Tanah Melayu tidak akan menghalang pemergian sukarelawan ke Indonesia untuk menyertai tentera Indonesia tetapi kerajaan tidak akan menghantar mereka dengan cara yang resmi.<sup>74</sup> Menurut Khir Johari, Menteri Pelajaran Tanah Melayu, perubahan pendirian ini adalah berikutan dari desakan dalam negeri dan permintaan daripada Duta Besar Indonesia yang mengatakan bahawa kedatangan sukarelawan dari Tanah Melayu untuk membebaskan Irian Barat akan meningkatkan semangat perjuangan pihak Indonesia.<sup>75</sup>

Sementara itu, bantuan dan sokongan dari negara-negara komunis, terutama dari Russia dan RRC (Republik Rakyat China), kepada Indonesia telah bertambah untuk kempen pembebasan Irian Barat. Russia telah membekalkan peralatan tentera bernilai \$US 1 billion kepada Indonesia dalam tempoh dua tahun (1961-1962). Perhubungan RRC dengan Indonesia juga bertambah kuat dengan adanya perjanjian persahabatan yang ditandatangani pada 1961. Pihak RRC berjanji menyokong penuh perjuangan Indonesia sehingga Indonesia berjaya memperolehi Irian Barat.<sup>76</sup> Pada masa yang sama polisi Amerika terhadap isu Irian Barat telah berubah berikutan pemilihan J.F. Kennedy sebagai Presiden Amerika Syarikat. Pentadbiran Kennedy (1961) telah mengikiskan polisi berkecuali pentadbiran Eisenhower terhadap isu Irian Barat dan telah mengambil inisiatif untuk menyelesaikan masalah ini.<sup>77</sup>

Presiden Kennedy telah menghantar adiknya Robert sebagai wakilnya ke Jakarta dan ke The Hague untuk memujuk kedua-dua pihak supaya bersetuju menyelesaikan masalah Irian Barat tanpa berperang. Pada Ogos 1962, Belanda dan Indonesia mengadakan rundingan sulit di Virginia yang dipengerusikan oleh Ellsworth Bunker.<sup>78</sup> Kedua-dua pihak telah bersetuju dengan cadangan Bunker untuk menyelesaikan isu Irian Barat dan menandatangani perjanjian untuk menyerahkan Irian Barat kepada Indonesia. Sebenarnya cadangan Bunker itu tidak banyak bezanya dengan Tunku yang mengatakan, Irian Barat hendak diletakkan di Bawah amanah PBB untuk tempoh kurang dari setahun sebelum diserahkan kepada pihak Indonesia.<sup>79</sup> Belanda menyerahkan pentadbiran Irian Barat kepada PBB pada 1 Oktober 1962 sebagai menghormati cadangan Bunker dan Badan Amanah PBB mengambil alih pentadbiran Irian Barat. Setelah mentadbir Irian Barat selama 7 bulan, PBB telah menyerahkan Irian Barat kepada Indonesia pada 1 May 1963.

Isu Irian Barat telah menwujudkan suasana lebih dingin mendalam hubungan Tanah Melayu-Indonesia daripada isu-isu lain. Ini adalah kerana Presiden Sukarno telah menolak cadangan Tunku yang mengusulkan supaya Badan Amanah PBB mentadbir Irian Barat kepada Indonesia.<sup>80</sup> Pihak media, terutamanya akhbar-akhbar Indonesia, telah melancarkan kempen memperburukkan usaha perdamaian yang dijalankan oleh Tunku. Kempen-kempen ini dipercayai berpunca dari kegiatan Menteri Luar Negeri Indonesia, Dr. Subandrio. Akhirnya, Indonesia menerima cadangan Bunker yang hampir sama dengan cadangan Tunku, sebagai penyelesaian terhadap isu Irian Barat<sup>81</sup> yang telah menjadi masalah dalam hubungan Indonesia-Belanda selama 12 tahun. Tindakan-tindakan Indonesia menunjukkan seolah-olah Indonesia menghina usaha perdamaian Tanah Melayu. B.K. Gordon, seorang Profesor Sains Politik Amerika, telah menghuraikan reaksi pihak Tanah Melayu terhadap sikap Indonesia seperti berikut:

These developments widened and reinforced the derision with which the Indonesian leaders may already have been regarded in Kuala Lumpur, and they certainly eroded any confidence in President Sukarno that Rahman might have had.<sup>42</sup>

Isu Irian barat telah banyak menonjolkan tema konflik dalam hubungan Tanah Melayu-Indonesia. Konflik bermula sejak Tanah Melayu berkecuali dalam pengundian membawa isu Irian Barat ke agenda mesyuarat agung PBB pada September 1957. Ini diikuti oleh kecaman-kecaman yang dilemparkan oleh akhbar-akhbar Indonesia terhadap pendirian awal Tanah Melayu mengenai Irian Barat. Konflik di antara Tanah Melayu dengan Indonesia memuncak dengan kritikan-kritikan yang dilemparkan oleh Dr. Subandrio dan akhbar-akhbar Indonesia terhadap usaha perdamaian Tunku terhadap isu Irian Barat. Akhbar-akhbar Indonesia mendakwa Tunku melibatkan diri dalam urusan negara mereka tanpa diundang, padahal Tunku telah menerima mandat dari Dr. Djuanda, Naib Presiden Indonesia yang membenarkan Tunku mencari penyelesaian damai bagi isu ini. Perkara yang sangat menghinakan Tanah Melayu ialah apabila Indonesia menerima cadangan Bunker yang hampir sama dengan cadangan Tunku sebelumnya sebagai penyelesaian untuk isu Irian Barat. Tindakan Indonesia ini menunjukkan bahawa negara itu tidak sudi menerima cadangan Tunku kerana Tunku adalah pemimpin sebuah negara yang kecil dan mereka rela terima cadangan Bunker kerana cadangan tersebut diusahakan oleh Amerika Syarikat iaitu sebuah kuasa Besar di dunia.

Sungguhpun isu Irian Barat bermula dengan konflik di antara Tanah Melayu-Indonesia, ini tidak bermakna aspek kerjasama tidak ada langsung dalam hubungan mereka. Kerjasama dapat dilihat melalui sokongan yang diberi oleh Tanah Melayu kepada Indonesia di PBB khususnya selepas pengundian berkecuali pada 20 September 1957. Wakil kerajaan Tanah Melayu telah mengutuk penjajah Belanda di Irian Barat sebagai "Vestigial Colonialism". Apabila ketengangan di antara Belanda dengan Indonesia bertambah tegang pada 1960, Tunku telah melarang kapal-kapal perang dari Belanda bersinggah di pelabuhan-pelabuhan Tanah Melayu sebelum meneruskan perjalanan ke Irian Barat. Tindakan ini merupakan satu lagi bukti bahawa Kuala Lumpur telah menyokong perjuangan Indonesia untuk memperolehi wilayah Irian Barat. Sebaliknya, pihak Indonesia juga telah memberi kerjasama kepada Tanah Melayu untuk menyelesaikan masalah Irian secara aman. Naib Presiden Indonesia iaitu Dr. Djuanda telah memberi persetujuan bertulis kepada Tunku untuk menjadi orang tengah di antara Jakarta dengan The Hague.

Di samping tema konflik dan kerjasama terdapat juga tema persaudaraan dalam isu Irian Barat. Ramai rakyat Tanah Melayu melihat perjuangan Indonesia untuk memperolehi Irian Barat sebagai perjuangan saudara besar mereka terhadap penjajahan. Oleh itu apabila Indonesia menggerahkan sukarelawan untuk pembebasan Irian Barat, terdapat rakyat Tanah Melayu

yang sudi mendaftar sebagai sukarelawan ke Irian Barat di kedutaan Indonesia. Kerajaan Tanah Melayu tidak menghalang rakyatnya mendaftar sebagai sukarelawan pembebasan Irian Barat. Akan tetapi segala usaha dan bantuan yang diberi oleh pemerintah dan rakyat menjadi sia-sia kerana Indonesia tidak bersikap jujur terhadap sumbangan Tanah Melayu untuk menyelesaikan masalah Irian Barat.

Tema komunisme juga wujud dalam masalah Irian Barat. Mulai tahun 1960, Indonesia meningkatkan tuntutannya terhadap Irian Barat. Sebahagian besar dari pendapatan negara dibelanjakan untuk kelengkapan tentera. Oleh itu kehidupan rakyat menjadi kucar-kacir. PKI mengambil kesempatan ini untuk meluaskan pengaruh mereka dikalangan rakyat Indonesia. PKI menyokong kuat kerajaan Indonesia dalam tuntutan Irian Barat dan sebaliknya menggunakan kelemahan ekonomi negara tersebut untuk meluaskan pengaruhnya. Disamping itu negara-negara komunis terutamanya RRC dari Russia memberi sokongan dan bantuan penuh kepada Indonesia untuk menentang Belanda setelah Indonesia gagal memperolehi bantuan dari pihak Amerika. Dengan itu hubungan Indonesia dengan blok komunis bertambah kuat. Apa yang membimbangkan Kuala Lumpur ialah jika Indonesia dipengaruhi oleh komunis akibat masalah Irian Barat, maka pengaruh itu akan tersebar dengan cepat ke Tanah Melayu kerana Indonesia dan Tanah Melayu adalah jiran yang rapat. Di samping itu pengaruh komunis akan mudah diterima rakyat Tanah Melayu kerana penduduk peribumi kedua-dua berasal dari rumpun bangsa yang sama dan mengamalkan kebudayaan yang sama. Ada antara mereka mempunyai hubungan kekeluargaan yang rapat, khususnya di antara penduduk Sumatera dengan Tanah Melayu. Ini membolehkan pengaruh komunis mudah diterima oleh rakyat Tanah Melayu jika komunis berpengaruh di Indonesia.

Soal tuntutan Irian Barat oleh Indonesia daripada Belanda telah merenggangkan hubungan Kuala Lumpur-Jakarta kerana tiga sebab: pertama, Indonesia tidak berpuas hati dengan pengundian berkecuali Tanah Melayu; kedua, tidak bersefahaman tentang usaha perdamaian yang dijalankan oleh Tunku, dan ketiga, Tanah Melayu tidak berpuas hati dengan tindakan Indonesia terhadap para sukarelawan Tanah Melayu yang ke Indonesia untuk membebaskan Irian diberi Latihan tentera dan politik yang tidak berkaitan dengan pembebasan Irian Barat. Mereka dilatih untuk menentang Persekutuan Malaysia yang dicadangkan oleh Tunku.

Isu Irian Barat juga telah melambatkan penentangan Indonesia terhadap Persekutuan Malaysia. Tunku mengeluarkan cadangan Malaysia pada bulan Mei 1961 dan pada November 1961, Jakarta berkata, negaranya tidak menentang Malaysia kerana projek itu tidak melibatkan wilayah-wilayah Indonesia. Indonesia memerlukan sokongan Kuala Lumpur kerana masalah Irian Barat belum selesai lagi pada waktu itu. Selepas Belanda menyerahkan

Irian Barat kepada pentadbiran PBB pada Oktober 1962, peluang Indonesia untuk memperolehi Irian menjadi sangat cerah kerana Irian Barat akan diserahkan oleh PBB kepada Indonesia selepas mentadbir wilayah itu untuk tempoh kurang dari satu tahun. Jadi, apabila pemberontakan Brunei berlaku pada Disember 1962 sebagai penentangan rakyat Brunei terhadap cadangan Malaysia, Indonesia menggunakan kesempatan ini untuk menunjukkan penentangannya terhadap cadangan Malaysia. Indonesia menentang cadangan Malaysia sebagai neo-kolonialisme yang dirancang oleh Pihak British dan Tunku untuk menguasai rantau ini. Penentangan Indonesia terhadap cadangan Malaysia bertambah kuat selepas PBB menyerahkan Irian Barat kepada Indonesia pada 1 Mei 1963.

<sup>1</sup>Robert C. Bone, "The International State of West New Guinea Until 1884," *Journal of Southeast Asian History*, Vol. V, No.2, 1964, h. 180.

<sup>2</sup>Ibid, h. 157.

<sup>3</sup>Lennox A. Mills, *Southeast Asia: Illusion and Reality in Politics and Economic*, University of Minnesota Press, Minneapolis, 1964, h. 182; R.H. Fifield, *The Diplomacy of Southeast Asia: 1945-1958*, Archon Book, 968, h. 131; dan D.J.M. Tate, *The Making of Modern South-East Asia*, 1, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1977, h. 313.

<sup>4</sup>Tate, *The Making of Modern South-East Asia*, h. 131.

<sup>5</sup>Ibid. Lihat juga Mills, *South East Asia*, h. 182.

<sup>6</sup>Tate, *The Making of Modern South East Asia*, h. 313.

<sup>7</sup>Ide Anak Agung, *Twenty Years Indonesian Foreign Policy, 1945-1965*, Mouton, The Hague, 1973, h. 87.

<sup>8</sup>D.J.M. Tate, *The Making of Modern South-East Asia*, Vol. II Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1979, h. 69.

<sup>9</sup>Ide Anak Agung, *Twenty Years Indonesian Foreign Policy*, h. 79.

<sup>10</sup>Fifield, *The Diplomacy of South East Asia*, hh. 131-132.

<sup>11</sup>Ibid.

<sup>12</sup>Jon M. Reinhardt, *Foreign Policy and National Integration: The Case of Indonesia*, Monograf no. 17, Yale University Southeast Asia Studies, 1971, h. 68.

<sup>13</sup>Sila lihat Michael Leifer, *Indonesia's Foreign Policy*, George Allen & Unwin, London, 1983, h. 29-35; J.R. Angel, "Indonesia Foreign Policy Since Independence," *The Year Book of World Affairs, 1977*, London Institute of World Affairs 1977, h. 51-53; Bernhard Dahm, *Sejarah Indonesia Abad Kedua Puluh* (terj), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1988, h. 186-187; G.P. Bhattacharjee, *Southeast Asian Politics: Malaysia & Indonesia*, Minerva Associates Pub., Calcutta, 1976, hh. 134-139.

<sup>14</sup>Bhattacharjee, *Malaysia & Indonesia*, h. 134-137.

<sup>15</sup>Sila lihat J.A.C. Mackie: *Konfrontasi: The Indonesia-Malaysia Dispute*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1974, h. 31; Peter Boyce, *Malaysia and Singapore in International Diplomacy, Document and Commentaries*, Sydney University Press, Sydney, 1968, h. 54; dan J.B. Dalton, "The Development of Malayan External Policy, 1957-1963" (Ph.D. Dissertation) University of Oxford, Oxford, 1967, h. 145.

<sup>16</sup>T.H. Silcock, "Development of A Malayan Foreign Policy," *Australian Outlook*, Vol. 17, no. 1, April 1963, h. 43.

<sup>17</sup>Antara: *Daily News Bulletin*, New York, 2 October 1957. Lihat juga Hazra Niranjan Kumar, "Malayan Foreign Relations 1957-1963," (MA. Thesis), University of Singapore, Singapore, 1965, h. 161.

<sup>18</sup>*Antara*, 2 October 1957.

<sup>19</sup>*Ibid.*, 9 October 1957.

<sup>20</sup>*Parliamentary Debates, Dewan Rakyat, Tanah Melayu, Official Report*, 12th March 1963, col. 4122-4123.

<sup>21</sup>*Antara*, 24 October 1957.

<sup>22</sup>*Ibid.*

<sup>23</sup>*Straits Budget*, 2 October 1957 dan juga Dalton "The Development of Malayan External Policy", h. 145.

<sup>24</sup>Mackie, *Konfrontasi*, h. 31

<sup>25</sup>Menteri Luar Negeri Indonesia, Dr. Subandrio, telah memberi amaran bahawa, Indonesia tidak ada pilihan lain untuk mendapat Irian Barat kecuali di luar PBB. Berikut dari kegagalan mendapat majoriti dua pertiga, pihak Indonesia telah mengambil tindakan-tindakan keras terhadap Belanda dan melancarkan kempen anti-Belanda. Kerajaan Indonesia melarang segala kapal terbang kepunyaan Syarikat Penerbangan Belanda (KLM) mendarat di Indonesia. Tentera Indonesia pula telah mengambil alih syarikat-syarikat Belanda. Sementara itu Sentral Organisasi Buruh seluruh Indonesia (SOBSI) yang dipengaruhi oleh PKI juga telah mengambil alih syarikat-syarikat Belanda dan melancar mogok. Kerajaan Indonesia telah memaksa 48,000 orang Belanda meninggalkan Indonesia tetapi dakwaan ini ditolak oleh Indonesia. *Britannica Book of The Year 1958*, London, 1959, h. 247. Lihat juga, Angel "Indonesia Foreign Policy", h. 53.

<sup>26</sup>Mohd. Hatta, "Indonesia Between the Power Blok" *Foreign Affairs*, vol. xxxvi, no. 3, April 1958, h. 486-7 dan juga Bhattacharjee, *Malaysia & Indonesia*, 140.

<sup>27</sup>*Malay Mail*, 2 June 1963.

<sup>28</sup>Sila lihat Bhattacharjee, *Malaysia & Indonesia*, 140; Justus M. Van der Kroef, "Nasution Sokarno and the West New Guinea Dispute," *Asian Survey*, vol. 1, no. 6, August 1961, hh. 20-23 dan Hidley, *Indonesia's Confrontation Against Malaysia*, h. 910.

<sup>29</sup>Marvin Ott, "The Sources and Content of Malaysian Foreign Policy Toward Indonesia and The Philippines : 1957-1965," (Ph.D. Dissertation), John Hopkins University, Baltimore, 1967, h. 126.

<sup>30</sup>Surat Tunku kepada Sukarno bertarikh 20 September 1960, dalam *Malaya/Indonesia relations*, h. 39.

<sup>31</sup>*Straits Times*, 15 November 1960.

<sup>32</sup>*Parliamentary Debated*, 6 December 1960, col. 3414.

<sup>33</sup>*Malaya/Indonesia Relations*, h. 8. Dalton berpendapat tawaran Tunku menjadi orang tengah dalam pertikaian Irian Barat telah menyebabkan isu Irian Barat sebagai duri dalam daging pada hubungan Tanah Melayu-Indonesia. Sila lihat Dalton, "The Development of Malayan External Policy", h. 148.

<sup>34</sup>Dalton, "The Development of Malayan External Policy," h. 148.

<sup>35</sup>Surat Tunku kepada Sukarno bertarikh 20 September 1960 dalam *Malaya/Indonesia Relations*, h. 39.

<sup>36</sup>*Ibid.*, h. 44.

<sup>37</sup>*Times of Indonesia*, 15 October 1963.

<sup>38</sup>*Antara*, 24 October 1960 dan Ott, "The Sources and content of Malaysian Foreign Policy", h. 127. Kenyataan Nasution dalam *Straits Times* adalah menghairankan. Nasution berkata, "... there must be no question of a United Nations trusteeship in settling the Weast Irian question. The Dutch have to return it to us completely and unconditionally." *The Straits Times*, 13 October 1960.

<sup>39</sup>*Antara*, 19 October 1960.

<sup>40</sup>*Malaya/Indonesia Relations*, h. 8 dan *Asia Recorder Weekly Digest*, New Delhi, 24-31 December, 1960, 3707.

<sup>41</sup>*Straits Times*, 26 November dan juga Dalton, "The Development of Malayan External Policy," h. 149.

<sup>42</sup>Ott, "The sources and Content of Malaysian Foreign Policy," h. 128.

<sup>43</sup>*Antara*, 29 November 1960. Lihat juga Mackie, *Konfrontasi*, h. 31.

<sup>44</sup>*Malaya/Indonesia Relations*, h. 9; Mackie, *Konfrontasi*, h. 31 dan Armstrong, "The Troubled Birth of Malaysia," *Foreign Affairs*, vol. 41, July 1963, h. 681.

- <sup>43</sup>Asian Recorder, 24-31 December 1960, h. 3706.
- <sup>44</sup>Lampiran IX dalam *Malaya/Indonesia Relations* h. 47.
- <sup>45</sup>Lampiran X dalam *Malayan/Indonesia Relations*, h. 50.
- <sup>46</sup>Asian Recorder, 24-31 December 1960, 3706 dan 15-21 January 1961, h. 3736.
- <sup>47</sup>Ibid, h. 3706.
- <sup>48</sup>Malayan /Indonesia Relations, 10 dan Straits Times, 29 November 1960.
- <sup>49</sup>Malaya/Indonesia Relations, h. 10.
- <sup>50</sup>Ibid.
- <sup>51</sup>Ibid.
- <sup>52</sup>Ibid.
- <sup>53</sup>Temubual penulis dengan Profesor Datuk Zainal Abidin Wahid, pada 11 April 1989 di pejabatnya di Jabatan sejarah, University Kebangsaan Malaysia.
- <sup>54</sup>Malaya/Indonesia Relations, h. 10
- <sup>55</sup>Dalton, "The development of Malayan External Policy", 150.
- <sup>56</sup>Temubual penulis dengan En. Mohd. Arshad Hussain, Ketua Penolong Setiausaha Asia Tenggara I, pada 24.2.1989, di pejabatnya, Wisma Putra.
- <sup>57</sup>Malaya/Indonesia Relations, h. 10-11.
- <sup>58</sup>Parliamentary Debates, 16 December 1960, Col. 4313-4314.
- <sup>59</sup>Antara, 4 April 1961.
- <sup>60</sup>Parliamentary Debates, 18 October 1961, col. 1852.
- <sup>61</sup>Antara, 29 March 1961.
- <sup>62</sup>Ibid, 9 dan 26 January 1961.
- <sup>63</sup>Ott, "The Sources and Content of Malayan Foreign Policy," h. 131. Lihat juga *Straits Times*, 28 October 1963 dan *Malaya/Indonesia Relations*, h. 11.
- <sup>64</sup>Malaya/Indonesia Relations, h. 11.
- <sup>65</sup>Mackie, *Konfrontasi*, h. 31.
- <sup>66</sup>Antara, February 1962.
- <sup>67</sup>Ibid, dan 29 March 1962.
- <sup>68</sup>Boyce, *Malaysia and Singapore in International Diplomacy*, h. 55.
- <sup>69</sup>Antara, 29 June 1962.
- <sup>70</sup>Mackie, *Konfrontasi*, h. 32 dan Ott, "The Sources and Content of Malaysian Foreign Policy", h. 132.
- <sup>71</sup>Straits Times, 26 May 1962.
- <sup>72</sup>Ibid, 30 May 1962.
- <sup>73</sup>Ott, "The Sources and Content of Malaysian Foreign Policy", 132.
- <sup>74</sup>Asian Recorder, 14-20 May 1962.
- <sup>75</sup>Bhattacharjee, *Malaysia & Indonesia*, 142.
- <sup>76</sup>Ibid, hal. 142-143 dan Asian Recorder, 27 August-September 2, 1962, h. 4762. Elsworth Bunker ialah bekas Duta Amerika ke India dan merupakan wakil Setiausaha Agung PBB untuk menyelesaikan masalah Irian Barat.
- <sup>77</sup>Dalton, "The Development of Malayan external Policy", h. 153 dan *Malaya/Indonesia Relations*, h. 11. Sila lihat Ide Anak Agung, *Twenty Years Indonesia Foreign Policy*, hh. 305-396, untuk keterangan lanjut mengenai cadangan Bunker.
- <sup>78</sup>Asian Recorder, 29 October - 4 November 1962, h. 4866.
- <sup>79</sup>Sila lihat Gordon, *The Dimensions of Conflict in Southeast Asia*, h. 131.
- <sup>80</sup>Ibid. h. 131 dan h. 132.